

24 JUL 2002

Mahathir-Iran/I (Bergambar)

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN IRAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Iran Mohammad Khatami, yang mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengadakan pertemuan hampir 30 minit dengan Khatami. Pertemuan turut disertai isteri Presiden Iran, Zohreh Sadeqi.

Khatami tiba Ahad untuk lawatan pertamanya ke Malaysia. Pemimpin Iran itu mengetuai rombongan 91 orang anggota yang terdiri daripada lima menteri dan timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan dan wakil media.

Semasa lawatan, Presiden Iran telah mengadakan perbincangan dua hala dan mesyuarat delegasi dengan Dr Mahathir di mana kedua-dua buah negara membincangkan kemungkinan menyatukan kekayaan negara-negara Islam untuk muncul sebagai kuasa besar ekonomi dunia.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan pelbagai isu dua hala terutama mengenai dunia Islam, keganasan dan krisis Asia Barat.

Iran dan Malaysia turut menandatangani dua perjanjian dua hala dan empat memorandum persefahaman (MoU).

Perjanjian pertama adalah pindaan terhadap perjanjian 1992 mengenai cukai bertindih dan mencegah pengecualian fiskal cukai pendapatan manakala yang kedua bagi promosi pelaburan.

Empat MoU itu pula meliputi bidang pelancongan, pembangunan wanita dan keluarga, perdagangan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Khatami dan rombongan berlepas pulang tengah hari tadi.

-- BERNAMA

HS AKT MOZ